



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**20 JULAI 2023 (KHAMIS)**



---

---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**20 JULAI 2023 (KHAMIS)**

Menteri KPDN jamin kawal penuh barang tidak bersubsidi, sangkal dakwaan pembangkang

#### KUALA TERENGGANU

**M**enteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub menyangkal dakwaan mengenai kenaikan harga barang yang kerap dimainkan pihak pembangkang menjelang pilihan raya negeri (PRN) ketika ini.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) turut memberi jaminan langkah kerajaan mengawal penuh barang tidak bersubsidi, tidak memungkinkan kenaikan harga barang.

"Barangan seperti gula dan tepung sememangnya tidak naik (harga) kerana ia dikawal penuh pihak kerajaan. Apa-apa pun barang pilihan rakyat - itu kita tidak kawal, sebab terpulang kepada rakyat untuk memilih."

"Kerajaan memang mendepani isu kos sara hidup rakyat, tetapi kerajaan tidak boleh mengawal kos gaya hidup rakyat. Itu yang saya nak tegaskan, barang-barang yang jadi asas hidup rakyat setakat ini semuanya dikawal penuh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir program ceramah Jelajah Perpaduan Madani Dewan Undangan Negeri (DUN)

# Kerajaan kawal harga barang, tidak mungkin naik

Batu Buruk di Rumah Komuniti Teratak Desa, Gong Tok Nasek, di sini pada Selasa malam.

Salahuddin berkata, menerusi inisiatif Payung Rahmah yang menyasarkan golongan B40 dan miskin tegar khususnya menerusi Jualan Rahmah, Menu Rahmah dan Pakej Rahmah, ia memberi pilihan kepada rakyat untuk membuat pembelian mengikut kemampuan.

"Semalam (Isnin) diumumkan SARa (Sumbangan Asas Rahmah), rakyat boleh beli barang asas di beberapa pasar raya pilihan dengan harga Rahmah. Jadi, kita telah buat semua ini dan alhamdulillah golongan sasaran kita ialah B40 dan miskin tegar.

"Bagi mana-mana rakyat ingin memiliki barangan mereka, kerajaan serahkan kepada rakyat yang mampu tetapi barang-barang makanan bersubsidi ini dikawal penuh oleh kerajaan yang ada pada hari ini," katanya.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan lebih 210,000 penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dalam kategori miskin tegar akan menerima SARa berjumlah RM600 mulai Isnin lepas yang membolehkan mereka membeli barang keperluan asas tanpa tunai di 600 pasar raya dan kedai runcit di seluruh negara.

Sementara itu, Salahuddin berkata pembahagian kerusi di antara gabung-



FOTO: BERNAMA

Salahuddin (kiri) bersalaman dengan Ketua UMNO Bahagian Kuala Terengganu, Datuk Mohd Sabri Alwi ketika hadir pada Jelajah Perpaduan Madani Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Buruk di Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu pada Selasa malam.

an Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) bagi mendepani PRN secara prinsipnya telah selesai dan akan diumumkan dalam masa terdekat.

Selain Terengganu, lima lagi negeri yang akan menghadapi PRN 12 Ogos ini ialah Kelantan, Kedah, Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. - Bernama



Oleh Baharom Bakar  
am@hmetro.com.my

#### Kuala Terengganu

T iada kenaikan harga 11 barang kawalan bersubsidi dan barang tidak bersubsidi, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Datuk Seri Salahuddin Ayub.

"Kita memberi jaminan, 11 barang kawalan kerajaan bersubsidi dan tidak bersubsidi seperti gula dan tepung, tidak mengalami kenaikan," katanya lagi.

Salahuddin turut menepak pelak dakwaan pemimpin parti pembangkang yang mendakwa berlaku kenaikan semua harga barang keperluan asas menyebabkan peningkatan kos sara hidup rakyat.

Kata beliau, dakwaan pembangkang berkaitan ke-

# Harga 11 barang tak naik

*Kerajaan beri jaminan harga barang keperluan asas kekal*

naikan mendadak harga barang; termasuk barang keperluan asas, hanya bertujuan meraih simpati rakyat untuk terus memberi sokongan kepada parti mereka menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN).

"Dakwaan pemimpin parti pembangkang mengenai isu kenaikan harga barang adalah tidak berdasas-

dan hanya bertujuan meraih simpati rakyat untuk terus memberi sokongan kepada parti mereka.

"Sepanjang 22 bulan, kerajaan terdahulu menerajui pemerintahan negara, apa yang dilakukan bagi menangani masalah rakyat berikutnya berlaku kenaikan harga barang, termasuk barang keperluan asas."

Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai, Johor berkata demikian ketika mengulas dakwaan pembangkang berkaitan isu kenaikan harga barang, termasuk barang keperluan asas.

Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) berkata demikian pada Majlis Jelajah Perpaduan Madani peringkat Dewan Undangan negeri (Dun Batu Burok di sini, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertahanan Adly Zahari, Ketua Bahagian Umnio Kuala Terengganu Datuk Mohd Sabri Alwi dan Pengetusi Pakatan Harapan (PH) negeri, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad.

Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai, Johor berkata demikian ketika mengulas dakwaan pembangkang berkaitan isu kenaikan harga barang, termasuk barang keperluan asas.

Salahuddin turut menggesa pemimpin pembangkang supaya turun padang dan meninjau sendiri isu kenaikan harga barang, terutama barang keperluan asas.

## Harga rendah, jualan Rahmah Bergerak dapat sambutan



FUZIAH (tiga dari kiri) bertanya sesuatu kepada pengunjung yang membeli barang sempena pelancaran Program Jualan Rahmah Bergerak di Taman Ria Jaya, Sungai Petani semalam.

**SUNGAI PETANI** – Jualan Rahmah Bergerak (JRB) berkonsepkan kedai cari rakyat diayakini mampu mencapai sasaran sebanyak 6,440 kali jualan di seluruh negara ekoran sambutan menggalakkan daripada orang ramai sejak kali pertama dilancarkan pada 17 Jun lalu.

Sehingga kini, sebanyak 133 JRB telah diadakan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, ia diterima baik oleh pelbagai lapisan masyarakat kerana kesemua barang yang dijual diberikan subsidi sehingga potongan sebanyak 30 peratus.

“Barangan seperti ayam, daging, ikan, beras, minyak masak,

telur ayam, santan, kicap, sos cili, Milo dan lain-lain ditawarkan pada harga jauh lebih rendah berbanding harga pasaran.

“Kita mendapat kesemua barangan ini daripada pemborong dan vendor secara terus dengan harga berpatutan untuk membantu meringankan perbelanjaan isi rumah rakyat Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan JRB peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sidam di Taman Ria Jaya di sini semalam.

Menurutnya, mengikut rekod hingga hujung Jun lalu, seramai 1.1 juta pengunjung mendapat manfaat terus daripada JRB dengan nilai belian melebihi RM30 juta.

Tambah Fuziah, pihaknya

akan turut mengadakan jualan di lokasi perumahan berpendapatan rendah, projek perumahan rakyat (PPR) dan kawasan perumahan yang banyak didiami golongan B40.

Ini katanya, bagi memastikan rakyat menerima secara terus subsidi bersasar yang diperuntukkan.

Sementara itu, seorang pengunjung, Halimah Halim, 45, berkata, dia berharap JRB akan dapat diteruskan sepanjang masa khususnya di kawasan yang didiami penduduk berpendapatan rendah.

“Memang berbaloi membeli barang di sini kerana harganya jauh lebih rendah daripada jualan di pasar mini atau premis perniagaan lain,” katanya.

## Assurance on stable prices for controlled items

**KUALA TERENGGANU:** Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub has hit out at the Opposition for playing the price hike issue ahead of the upcoming state elections.

Salahuddin, who is also Parti Amanah Negara (Amanah) deputy president, gave an assurance that there would be no increase in the prices of goods as the government is constantly monitoring certain non-subsidised items.

"The prices of government-controlled items, such as sugar and wheat flour, will remain stable without any increase.

However, for goods not subject to government control, the choice to purchase such items lies with the people.

"The government is taking various measures to address the cost of living issue, but we cannot control people's lifestyle costs. That is what I want to emphasise. The (prices) of necessities are all fully controlled by the government," he said after attending the Jelajah Perpaduan Madani programme for the Batu Buruk state constituency at the Teratak Desa Community House in Gong Tok Nasek on Tuesday.

Salahuddin added that the Payung

Rahmah initiative, especially Jualan Rahmah and Menu Rahmah, which are aimed at helping the B40 and hardcore poor, gives people the option to make purchases within their means.

On another matter, Salahuddin revealed that the seat distribution between Pakatan Harapan and Barisan Nasional for the state elections has in principle been completed and will be announced soon.

Apart from Terengganu, the other five states that are going to the polls on Aug 12 are Kelantan, Kedah, Selangor, Penang and Negeri Sembilan. - Bernama

## Kedai Cari Rakyat inisiatif ringan beban golongan sasaran

**Sungai Petani:** Pelaksanaan Jualan Rahmah Bergerak menerusi pendekatan 'Kedai Cari Rakyat' adalah satu inisiatif yang dapat membantu rakyat dengan cara lebih bersasar.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) Fu ziah Salleh berkata, menerusi pendekatan itu Jualan Rahmah Bergerak akan di-

buat di lokasi yang majoritiya terdiri daripada penduduk dalam kategori B40.

"Pelaksanaan Kedai Cari Rakyat ini bertujuan membantu penduduk dengan cara bersasar, rakyat tak perlu ke kedai dan kita akan adakan di tempat yang ada golongan B40, yang ada rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR), yang ada rumah kos rendah.

"Ini bagi memastikan subsidi yang disediakan untuk rakyat sampai kepada golongan sasar...malah kita sasarkan untuk mengadakan dua kali jualan dalam tempoh sebulan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Jualan Rahmah Bergerak peringkat Kedah di Taman

Ria Jaya dekat sini, semalam.

Fuziah berkata, 99 peratus daripada peruntukan RM100 juta bagi program jualan ini dibelanjakan untuk memberikan subsidi kepada rakyat.

"Majoriti peruntukan itu bukan untuk promosi atau pengiklanan..kita juga mendapat kerjasama daripada vendor yang terdiri daripada

pemborong, yang mana mereka juga sama-sama mahu mengangkat aspirasi Malaysia Madani untuk sama-sama membantu rakyat.

"Kalau kita dengar barang akan naik harga, itu pasaran terbuka...akan tetapi jika model Jualan Rahmah Bergerak ni berjaya, saya yakin pembekal-pembekal juga akan mengikut kehendak rakyat," katanya.

Menurutnya sehingga hujung bulan lalu, 1.1 juta rakyat telah mendapat manfaat daripada Jualan Rahmah Bergerak dengan nilai jualan melebihi RM30 juta.

"Setakat ini program jualan seperti ini aktif di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Pulau Pinang... malah kita sasarkan ia juga berjalan lancar di Kedah," katanya.

# Lebih 6,000 restoran, syarikat sokong inisiatif Rahmah

**KUALA LUMPUR:** Lebih 6,000 syarikat dan restoran menyokong inisiatif Rahmah yang diperkenal kerajaan dalam meningarkan beban golongan berpendapatan rendah dan sederhana di negara ini.

Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), setakat Julai ini, sebanyak 2,995 restoran menyediakan menu Rahmah manakala sejumrah 3,557 syarikat termasuk perusahaan kecil dan sederhana menawarkan jualan Rahmah.

Jurucakap KPDN memaklumkan, selain daripada jumlah syarikat tersebut, KPDN yakin banyak lagi syarikat yang tidak mendaftar namun menyediakan inisiatif Rahmah mengikut pakej yang disediakan masing-masing.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salauddin Ayub berkata, banyak syarikat industri yang ingin bekerjasama dengan KPDN untuk menawarkan pakej Rahmah yang mereka cadangkan.

Katanya, inisiatif tersebut



**SET hidangan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri pada menu Rahmah di Medan Selera Sports Arena, Cyberjaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

yang pada mulanya merupakan Inisiatif Menu Rahmah bertujuan membantu golongan masyarakat yang terkesan dengan kos sara hidup masa kini.

“Sehubungan itu, ada peniaga-peniaga kecil yang sanggup menyediakan inisiatif Rahmah dan dapat meningkatkan pen-

dapatan mereka,” katanya.

Justeru, KPDN akan sentiasa untuk terus komited dalam memastikan seluruh warga masyarakat dilindungi dan tidak terbeban dengan peningkatan kos sara hidup dalam keadaan ekonomi yang mencabar pada waktu kini.

## Mobile Rahmah sale to target B40

**SUNGAI PETANI:** The implementation of the Mobile Rahmah Sale under the "Kedah Cari Rakyat" banner is an initiative to help people in a targetted manner.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said the Mobile Rahmah Sale will be held at locations predominantly populated by B40 category residents.

"The implementation of the 'Kedai Cari Rakyat' initiative aims to help the people in a targetted manner. They do not have to go to shops, and we will have it at locations where there are B40 groups, People's Housing Programme areas and low-cost homes.

"This will ensure the subsidy meant for the people reaches this group. We aim to hold two sales per month in every state legislative assembly area nationwide," she said after officiating at the Kedah state-level Mobile Rahmah Sale in Taman Ria Jaya yesterday.

Fuziah said 99% of the RM100 million allocated for the sales programme was spent on providing subsidies to the people.  
- Bernama

# Lari tinggal 600 liter diesel depan pondok jaga hospital

**KOTA BHARU** – Seorang penyecludup lari meninggalkan kereta dipandunya yang membawa muatan sebanyak 600 liter diesel bernilai RM1,337 selepas terhalang palang tertutup di pondok pengawal dekat Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, suspek dilihat memandu kereta jenis Proton Iswara dalam keadaan mencurigakan di sekitar laluan Pengkalan Chepa-Kota Bharu di sini kira-kira pukul 5 pagi.

Menurutnya, siasatan mendapati, pemandu kereta tersebut membuat pembelian diesel secara berulang di beberapa buah stesen minyak.

"Anggota penguat kuasa KPDN kemudiannya mengekori kereta suspek sejauh lima kilometer sebelum tiba di kawasan palang tertutup di pondok pengawal di HRPZ II.

"Suspek kemudiannya melerak diri meninggalkan kereta terbabit di lokasi kejadian," katanya ketika dihubungi semalam.

Azman memberitahu, pemeriksaan di dalam kereta itu kemudiannya menemui tong-tong jerikin mengandungi 600 liter diesel.



**KERETA** yang membawa tong jerikin berisi diesel dipandu suspek yang ditinggal di pondok pengawal HRPZ II, Kota Bharu kelmarin. – IHSAN KPDN

Menurutnya, bekalan diesel itu dipercayai akan diseludup ke negara jiran.

Tambah Azman, usaha un-

tuk mengesan pemandu kereta terbabit sedang giat dijalankan dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



SEJUMLAH tong plastik yang mengandungi 600 liter diesel yang bernilai RM1,337.70.

## Pecut masuk hospital elak ditahan KPDN

**Kota Bharu:** Takut punya pasal menyebabkan seorang penyeludup memecut Proton Iswara Aeroback sehingga ke dalam kawasan hospital sebelum melarikan diri.

Pada kejadian jam 5 pagi semalam, lelaki terbabit memecut kereta dipandunya selepas menyedari diekori penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Kelantan Azman Ismail berkata, kereta dipandu suspek pada mulanya dipe-

cut memasuki laluan ke Pusat Bersalin Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II).

"Ia kemudiannya masuk ke jalan sehala sebelum tersekat di pintu pagar hadapan pondok pengawal. Suspek kemudiannya melarikan diri.

"Pemeriksaan dalam kereta itu menemukan 600 liter diesel dalam tong plastik bernilai RM1,337.70," katanya.

Terdahulu, menurut Azman, pasukan penguat kuasa mendapati, kereta berpendaftaran tempatan itu dipandu dalam keadaan mencurigakan.

# Rampas 56,000 liter diesel

KPDN serbu markas penyimpanan diesel bersubsidi secara haram dengan nilai sitaan RM121,217

Oleh Hafidzul Hilmi  
Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my

## Subang Jaya

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) menyerbu sebuah stor penyimpanan diesel bersubsidi di Kampung Kuala Sungai Baru di sini, kelmarin.

Dalam serbuan pada jam 9 malam itu, sebanyak 56,000 liter diesel dengan anggaran nilai sitaan berjumlah RM121,217.

Pengarah KPDN Selangor Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, operasi dilakukan hasil risikan selama dua bulan dan disyaki terdapat aktiviti pergerakan kenderaan jenis lori keluar masuk di premis terbabit.



SEBUAH lori tangki di dalam kawasan premis yang diserbu KPDN disyaki sedang mengisi diesel dari dua buah tangki skid.

"Premis terbabit dijadikan sebagai tempat menyimpan atau stor simpanan minyak diesel secara haram."

"Ketika serbuan terdapat satu lori tangki di dalam kawasan premis yang disyaki sedang mengisi diesel dari dua buah tangki skid dalam premis," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, ketika serbuan dijalankan terdapat aktiviti menyedut minyak yang disyaki diesel membabitkan instrumen seperti hos yang bersambung dengan pam penyedut minyak, terdapat juga tangki skid dan dua lori tangki.

"Aktiviti menyedut minyak yang disyaki diesel dipercayai dilakukan oleh tiga suspek yang ditemui berada di dalam premis ketika serbuan.

"Semua suspek dipercayai

pemandu lori dan pekerja premis ditahan untuk siatas lanjut.

"Serbuan berjaya merampas sejumlah 56,000 liter dengan anggaran nilai sitaan RM 121,217 dan anggaran nilai keseluruhan dalam tindakan kes ini adalah RM343,417," katanya.

Menurutnya, pihaknya mengambil tindakan ke atas premis terbabit mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"KPDN akan terus konsisten menggerakkan tindakan penguatkuasaan dan tidak berkompromi dalam menguatkuasaan undang-undang yang dikuatkuasaan di bawah KPDN, khususnya membabitkan penyelewengan ke atas barang bersubsidi yang merupakan antara kepentingan awam yang perlu diselia dan dijaga," katanya.

## Dua kapal pindah diesel tanpa kebenaran ditahan

**Seremban:** Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Melaka dan Negeri Sembilan menahan dua kapal yang melakukan aktiviti pemindahan minyak disyaki diesel tanpa kebenaran di perairan Pulau Perjudi, Port Dickson, kelmarin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Iskandar Ishak berkata, dalam kejadian kira-kira 3 petang itu, bot ronda Maritim Malaysia yang melihat dua kapal merapat antara satu sama lain disyaki melakukan aktiviti *ship to ship* (STS) yang mencurigakan di kedudukan satu batu nautika tenggara pulau itu.

"Pemeriksaan mendapati kapal tangki berkenaan sedang memindahkan kargo minyak disyaki diesel kepada sebuah kapal kargo tanpa mempunyai sebarang dokumen kebenaran menjalankan aktiviti terbabit.

"Kapal kargo sepanjang 31 meter yang berdaftar di Port Dickson itu dikenda-



*Pemeriksaan mendapati kapal tangki berkenaan sedang memindahkan kargo minyak disyaki diesel kepada sebuah kapal kargo tanpa mempunyai sebarang dokumen kebenaran menjalankan aktiviti terbabit"*

**Iskandar Ishak**

likan empat kru lelaki warga tempatan termasuk nakhoda manakala kapal tangki pula didaftarkan di Zanzibar, Tanzania dikendalikan lima kru lelaki termasuk nakhoda warga Indonesia," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Iskandar berkata, susulan itu, kedua-dua kapal dan kru ditahan mengikut Seksyen 491B(1)(K) Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS) 1952 kerana menjalankan aktiviti STS tanpa kebenaran.

## Dua kapal disyaki pindah diesel tanpa kebenaran ditahan

**Seremban:** Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan dua kapal yang memindahkan minyak disyaki diesel tanpa kebenaran dekat Pulau Perjudi, Port Dickson, kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia (Melaka dan Negeri Sembilan), Kepten Maritim Iskandar Ishak, berkata dalam kejadian kira-kira 3 petang itu, bot ronda Maritim Malaysia yang melihat dua kapal merapat di antara satu sama lain disyaki melakukan aktiviti 'ship to ship' yang mencurigakan di kedudukan satu batu nautika tenggara

pulau itu.


"Pemeriksaan mendapati kapal tangki sedang memindahkan kargo minyak disyaki diesel kepada sebuah kapal kargo tanpa mempunyai sebarang dokumen kebenaran menjalankan aktiviti terbabit.

"Kapal kargo sepanjang 31 meter yang berdaftar di Port Dickson itu dikendalikan empat kru lelaki warga tempatan termasuk nakoda. Kapal tangki pula didaftarkan di Zanzibar, Tanzania dikendalikan lima kru lelaki termasuk nakoda warga Indonesia," katanya.



*Dua kapal yang ditahan Maritim Malaysia Melaka dan Negeri Sembilan dalam Op Murni/Op Tiris semalam.*  
(Foto ihsan Maritim Malaysia)

HARI	:	KHAMIS
TARIKH	:	20/7/2023
M/SURAT	:	1





---

## **KERATAN AKHBAR (BERITA UMUM)**

---

**20 JULAI 2023 (KHAMIS)**

 **Nota Di Sebalik Tabir**  
Bersama MERAK JALANAN

DUA hari lepas, Merak Jalanan pergi ke sebuah pasar raya terkenal. Pasar raya ini terkenal dalam kalangan golongan marhaen kerana biasanya harganya lebih murah berbanding pasar raya lain.

Cadangan asal nak membeli kacang buncis, tomato, sawi dan pak choy bagi bekalan selama seminggu.

Sayur pertama yang Merak Jalanan jumpa adalah kacang buncis siap dibungkus dan dilekatkan tanda harga termasuk jumlah timbangannya.

Terkejut Merak Jalanan. Hampir ter-

beliak biji mata apabila melihat harga sebungkus kacang buncis kurang 350 gram berharga RM7. Terdiam sekejap. Nak beli atau tak ni? Dah macam harga kayangan ni!

Merak Jalanan pun berfikir secara positif, mungkin ada yang lebih murah. Akhirnya, terjumpalah sebungkus kacang buncis seberat 305g dengan harga RM5.14. Okey la sikit.

Itu baru bahagian kacang buncis. Di bahagian sayur-sayuran lain, kebanyakannya juga sudah naik harga.

Dalam kepala ini membuat perkiraan stok makanan mentah di rumah masih bertahan atau tidak untuk seminggu. Ini baru di pasar raya marhaen. Kalau tempat lain, tak tahulah pulak harganya. Mungkin lagi mahal.

Fikir punya fikir, Merak Jalanan terus ke kaunter bayaran. Akhirnya beli kacang buncis saja. Terus tak jadi nak beli barang lain dek kerana kacang buncis RM7 itu.

Merak Jalanan teringat satu infografik yang menganggarkan belanja dapur untuk keluarga seramai empat orang ha-

nya RM397.80 sebulan. Merak Jalanan nak ajak orang buat infografik tu buat kajian sebenar situasi semasa yang dihadapi rakyat.

Sebelum ini sebuah akhbar melaporkan 'Dulu belanja dapur RM200 kini jadi RM500 sebulan'. Kalau harga kacang buncis saja sudah RM7 sebungkus, bagaimana pula harga barang lain. Ini realiti yang rakyat hadapi.

Terima sahaja hakikat kos harga barang sudah meningkat dan tidak perlu berselindung lagi.

## Terima saja hakikat harga barang sudah meningkat

## Tidak ada kenaikan harga barang sampai 20 peratus - Mydin

KUALA LUMPUR - Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Dr Ameer Ali Mydin menjangka sekiranya berlaku kenaikan harga barang pada Ogos ini, ia hanya akan melibatkan kenaikan sekitar satu hingga dua peratus sahaja, dan bukannya sehingga 20 peratus seperti yang pernah diramalkan sebelum ini.

Menurutnya, kenaikan secara mendadak itu tidak akan berlaku berikutan kadar ringgit yang kini berada pada tahap baik dan trend itu dijangka terus mengukuh berdasarkan kepada situasi terkini.

"Sekarang dalam dua, tiga hari ini, dolar Amerika Syarikat (AS) turun balik kepada RM4.53 hingga RM4.54, jadi saya boleh kata 100 peratus, harga tidak akan naik 20 peratus pada bulan Ogos ini.

"Kalau saya nak kata semua barang tidak naik, saya tidak pasti, tapi kalau naik pun, di antara satu hingga dua peratus sahaja," katanya kepada Bernama selepas menghadiri program temubual Apa Khabar Malaysia, di Wisma Bernama



AMEER ALI

pada Rabu.

Tambahnya, kenaikan harga barang juga bergantung kepada pelbagai faktor antaranya inflasi, permintaan dan penawaran selain kadar ringgit.

Sebelum ini beliau dan beberapa pakar ekonomi menyatakan harga barang pengguna dijangka meningkat, ada yang meramalkan sehingga 20 peratus menjelang Oktober ini berikutan peningkatan kos operasi perniagaan di Malaysia selain inflasi import.

Peningkatan kos itu dikatakan ekoran kemerosotan nilai ringgit berbanding dolar AS sehingga mendorong berlaku inflasi import pada kadar tinggi.

Sementara itu, Ameer Ali turut mencadangkan agar kerajaan meneliti kembali mekanisme pemberian subsidi pukal ke subsidi bersasar menerusi pemberian tunai bulanan untuk golongan B40.

Katanya, menerusi kaedah subsidi bersasar ia akan menjimatkan kos pembelanjaan kerajaan sekali gus membantu dalam memudahkan perancangan pembangunan negara yang lebih mampan.

MOVE BY OPPPOSITION LEADERS

# 'ATTEMPT MADE TO INCITE BN CABINET MEMBERS'

Salahuddin talks of a back-door attempt to topple the federal government

BAHAROM BAKAR  
KUALA TERENGGANU  
news@nst.com.my

**P**ARTI Amanah Negara (Amanah) deputy president Datuk Seri Salahuddin Ayub claimed that there was an attempt by opposition leaders to incite cabinet members from Barisan Nasional (BN) to

leave the unity government.

Describing it as a back-door attempt to topple the federal government, the Domestic Trade and Cost of Living Minister said the movement failed when BN ministers continued to support Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Cabinet members, including from BN and coalition parties in



Parti Amanah Negara deputy president Datuk Seri Salahuddin Ayub (left) greeting Kuala Terengganu Umno Division chief Datuk Mohd Sabri Alwi at the Batu Burok Jelajah Perpaduan Madani programme in Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu on Tuesday night. BERNAMA PIC

Pakatan Harapan (PH) are the most stable, strong, harmonious and unmoved by the incitement.

"The unity government led by (Datuk Seri) Anwar is the most stable and strong government, and always strives to deal with the people's problems," he said when delivering a talk at the Batu Burok Jelajah Perpaduan Madani programme here, on Tuesday night.

Also present were Deputy Defence Minister Adly Zahari, Kuala Terengganu Umno Division chief Datuk Mohd Sabri Alwi and

Terengganu PH chairman Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad.

Salahuddin, who refused to reveal which leader or party from Perikatan Nasional that was trying to stir up BN cabinet members to leave the unity government, said Anwar's cabinet members were more focused on safeguarding the interests of the people.

"(Datuk Seri) Anwar is satisfied with the performance of his cabinet members," he said.

The Pulai Member of Parlia-

ment said BN and Umno had previously been seen as "tying the knot" with Pas, but Pas was disloyal and dishonest when it also "engaged" with Bersatu without BN's knowledge.

"BN was left in a frenzy and decided to 'marry' PH," he said.

On the number of seats to be contested by Amanah in next month's state elections, Salahuddin said that the list of candidates and the number of seats for the party had been finalised, and would be announced by Anwar, who is also PH chairman.



---

---

# **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**20 JULAI 2023 (KHAMIS)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 20 JULAI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
20-Jul	Kerajaan kawal harga barang, tidak mungkin naik - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/989298/kerajaan-kawal-harga-barang-tidak-mungkin-naik-salahuddin">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/989298/kerajaan-kawal-harga-barang-tidak-mungkin-naik-salahuddin</a>	HM
20-Jul	Bila masa harga barang naik? - Salahuddin Ayub	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/989328/bila-masa-harga-barang-naik-salahuddin-ayub">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/989328/bila-masa-harga-barang-naik-salahuddin-ayub</a>	HM
20-Jul	Kerajaan kawal harga barang, tidak mungkin naik - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-kawal-harga-barang-tidak-mungkin-naik-salahuddin-428756%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-kawal-harga-barang-tidak-mungkin-naik-salahuddin-428756%3famp=1</a>	ASTORAWANI
20-Jul	Kerajaan kawal harga barang, tidak mungkin naik - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/268998">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/268998</a>	SH
20-Jul	KPDN jamin kawalan harga barang, tiada kenaikan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/67685-kpdn-jamin-kawalan-harga-barangan-tiada-">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/67685-kpdn-jamin-kawalan-harga-barangan-tiada-</a>	BERITARTM
20-Jul	Govt constantly monitors prices of goods, no price hike- Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/932480/govt-constantly-monitors-prices-goods-no-price-hike-salahuddin">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/932480/govt-constantly-monitors-prices-goods-no-price-hike-salahuddin</a>	NST
20-Jul	Jualan Rahmah bergerak bantu rakyat secara bersasar	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2207932">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2207932</a>	BERNAMA
20-Jul	Mobile Rahmah sales putting the brakes on market profits: KPDn	<a href="https://www.thesundaily.my/business/mobile-rahmah-sales-putting-the-brakes-on-market-profits-kpdn-MG11248488">https://www.thesundaily.my/business/mobile-rahmah-sales-putting-the-brakes-on-market-profits-kpdn-MG11248488</a>	THESUNDAILY
20-Jul	Jualan Rahmah bergerak disambut baik golongan B40	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/jualan-rahmah-bergerak-disambut-baik-golongan-b40/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/jualan-rahmah-bergerak-disambut-baik-golongan-b40/</a>	UM

20-Jul	Stor diserbu, 56,000 liter diesel bersubsidi dirampas	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/989391/stor-diserbu-56000-liter-diesel-bersubsidi-dirampas">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/989391/stor-diserbu-56000-liter-diesel-bersubsidi-dirampas</a>	HM
20-Jul	Penyeludup pecut kereta sampai masuk hospital	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/989367/penyeludup-pecut-kereta-sampai-masuk-hospital">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/989367/penyeludup-pecut-kereta-sampai-masuk-hospital</a>	HM
20-Jul	Penyelewengan minyak diesel rampasan lebih RM83,000	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/07/19/penyelewengan-minyak-diesel-rampasan-lebih-rm83000/">https://www.kosmo.com.my/2023/07/19/penyelewengan-minyak-diesel-rampasan-lebih-rm83000/</a>	KOSMO
20-Jul	Akibat panik, penyeludup diesel pecut kereta masuk hospital	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/akibat-panik-penyeludup-diesel-pecut-kereta-masuk-hospital/">https://www.buletintv3.my/nasional/akibat-panik-penyeludup-diesel-pecut-kereta-masuk-hospital/</a>	BULETINTV3
20-Jul	Panik diekori, penyeludup pecut kereta ke hospital	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/19/panik-diekori-penyeludup-pecut-kereta-ke-hospital/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/19/panik-diekori-penyeludup-pecut-kereta-ke-hospital/</a>	FMT
20-Jul	Jualan Rahmah Bergerak bantu rakyat secara bersasar	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/216552/jualan-rahmah-bergerak-bantu-rakyat-secara-bersasar/">https://www.dailyexpress.com.my/news/216552/jualan-rahmah-bergerak-bantu-rakyat-secara-bersasar/</a>	DAILYEXPRESS
20-Jul	Lebih 6,000 restoran, syarikat sokong inisiatif Rahmah	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/lebih-6000-restoran-syarikat-sokong-inisiatif-rahmah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/lebih-6000-restoran-syarikat-sokong-inisiatif-rahmah/</a>	UM
20-Jul	Lori tangki keluar masuk setor, rupanya seludup diesel	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/07/19/lori-tangki-keluar-masuk-setor-rupanya-seludup-diesel/">https://malaysiagazette.com/2023/07/19/lori-tangki-keluar-masuk-setor-rupanya-seludup-diesel/</a>	MALAYSIAGAZETTE